

CATUR

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1. Pertandingan catur MASUM akan dijalankan mengikut:

- 1.1.1. Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM.
- 1.1.2. Peraturan Teknikal Federation Internationale Des Echecs (FIDE) semasa.

1.2. Pertandingan ini terdiri daripada acara-acara berikut:

Lelaki	Wanita
Rapid Individu	Rapid Individu
Rapid Berpasukan	Rapid Berpasukan

1.3. Setiap universiti dibenarkan menghantar:

- 1.3.1. Maksimum 6 pemain lelaki, 6 pemain perempuan dan 4 pegawai. Bilangan pegawai tidak boleh melebihi bilangan pemain.
- 1.3.2. Setiap pemain boleh mengambil bahagian dalam maksimum 2 acara.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1. Sistem Permainan

2.1.1. Format Pertandingan :

- **Dijalankan mengikut sistem Swiss 7 pusingan.**
- **Pertandingan secara Individu dengan markah berkumpulan**

2.1.2. Dalam dua pusingan terakhir, pemain yang mempunyai lebih daripada 50% markah tidak boleh main dengan pemain daripada pasukan yang sama.

2.2. Tempoh permainan

Masa Permainan adalah 60 minit dengan tambahan masa 30 saat untuk setiap pergerakan untuk setiap pemain.

2.3. Kawalan Masa

Kawalan masa untuk setiap permainan dibuat dengan menggunakan jam catur.

2.4. Merekod Permainan

Setiap pemain dikehendaki merekod setiap pergerakan yang dilakukan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.5. Kedudukan Penyertaan

2.5.1. Sistem mata berikut akan digunakan

Menang	1 mata	Seri	½ mata	Kalah	0 mata
--------	--------	------	--------	-------	--------

2.5.2. Jika terdapat pemain yang mempunyai mata yang sama, sistem pemutus seri berikut akan digunapakai :-

- A. **Direct Encounter (Where Applicable)**
- B. **Buchholz**
- C. **Buchholz-1**
- D. **Sonnerborn-Berger**
- E. **Play-off (Armageddon Time Control)** Putih dengan 5 minit(mesti menang),Hitam dengan 4 minit(Seri untuk menang). *Play-off hanya akan dilaksanakan untuk menentukan kedudukan Juara sahaja.

2.5.3. Untuk pertandingan berpasukan, hanya markah 4 pemain terbaik dari setiap pasukan akan dikira..

2.5.4. Jika terdapat pasukan yang mempunyai mata yang sama, sistem pemutus seri berikut akan digunapakai :-

- A. **Match Point/Game Point**
- B. **Direct Encounter (Where Applicable)**
- C. **Buchholz**
- D. **Buchholz-1**
- E. **Sonnerborn-Berger**
- F. **Play-off (Armageddon Time Control)** (Putih dengan 5 minit(mesti menang),Hitam dengan 4 minit(Seri untuk menang). *Play-off hanya akan dilaksanakan untuk menentukan kedudukan Juara sahaja.

2.6. Pakaian Pertandingan

Pemain hendaklah memakai baju dan seluar yang dibekalkan oleh Universiti mereka. Jika universiti tidak membekalkan baju, pemain hendaklah berpakaian kemas. (tidak dibenarkan berselipar).

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Catur	Bilangan maksimum penyertaan setiap universiti
Peserta Lelaki	6
Peserta Wanita	6
Pegawai Pasukan*	4

*Bilangan pegawai pasukan tidak boleh melebihi bilangan peserta.